

20/07/1999

Jaguh sasar jualan 20,000

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

MOTOSIKAL dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) meletakkan sasaran menjual 12,000 unit keluaran terbarunya, 'Modenas Jaguh 175cc' bagi tahun pertama pemasarannya.

Jumlah berkenaan dijangka meningkat kepada 20,000 unit pada tahun kedua. Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Tan Sri Mohd Saleh Sulong berkata, penjualan model terbaru itu bakal memperlengkapkan sasaran penjualan 88,000 unit motosikal keluaran Modenas tahun ini, sekali gus meningkatkan penguasaan pasaran yang dimiliki syarikat itu.

Antara ciri menarik motosikal model terbaru ini ialah gaya 'cruiser' dengan tempat duduk yang rendah, sesuai untuk penunggangan selesa dan pemberhentian yang stabil berdasarkan brek cakera hadapannya yang berkesan.

"Selain itu ia juga mempunyai transmisi lima kelajuan dan reka bentuk yang memenuhi cita rasa masa kini," katanya ketika berucap dalam majlis pelancaran model berkenaan di kilang Modenas, di Gurun, Kedah, semalam.

Majlis itu disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, Pengarah Urusan Kawasaki Heavy Industries, Masamoto Tazaki dan Naib Presiden Kumpulan Nissho Iwai Corporation Ltd, Sukeyoshi Watanabe.

Harga atas jalan motosikal berkenaan ialah RM7,500 seunit, termasuk cukai jalan selama enam bulan, yuran pendaftaran dan perlindungan insurans bagi penunggang tunggal.

Sebanyak 1,000 pembeli pertama motosikal itu bakal menerima harga istimewa sebanyak RM6,998 seunit dan potongan harga 30 peratus bagi aksesori.

Penjualan motosikal keluaran sulung Modenas iaitu Kriss bermula pada Oktober 1996. Setakat ini, anak syarikat milik penuh Modenas, Edaran Modenas Sdn Bhd (Emos) berjaya memasarkan 230,000 unit motosikal model Kriss di pasaran tempatan.

Kegawatan ekonomi negara sejak Julai 1997 menyebabkan Emos hanya mampu memasarkan 75,000 unit motosikal model Kriss tahun lalu, menurun 25 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Sejak Kriss dieksport pada Oktober 1997, Emos mencatatkan penjualan 12,000 unit motosikal bernilai RM40 juta sehingga akhir tahun lalu. Antara pasaran asingnya ialah Kemboja, Greece, Afrika Selatan, Vietnam, Iran, Turki, Argentina, Malta, Mesir, Brunei dan Sri Lanka.

Bagi tahun ini, Modenas menetapkan sasaran eksport 25,000 unit Kriss dengan nilai dagangan melebihi RM100 juta. Antara negara lain yang menunjukkan minat membeli Kriss ialah Bangladesh, Ecuador, Brazil, China, Mali, Burkino Faso dan Ghana.

(END)